

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi menyeluruh negara untuk mengelakkan kebergantungan negara yang keterlaluan kepada hasil minyak dan gas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan telah menurun daripada 41% pada tahun 2009 kepada 30% pada tahun 2014. Kebergantungan kepada hasil tersebut dijangka terus

berkurangan kepada 27% daripada jumlah keseluruhan hasil pada tahun 2015. Sehubungan dengan itu, bagi menampung jangkaan kekurangan hasil akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah peningkatan hasil dalam sumber-sumber pendapatan selain minyak dan gas dengan:

1. Memperluas asas cukai (*broaden the tax base*) melalui pelaksanaan GST bermula April 2015. Sehingga Februari 2015, jumlah syarikat yang telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melebihi 300,000 buah syarikat berbanding sasaran asal sebanyak 240,000 buah syarikat. Pelaksanaan GST secara langsung akan mempelbagaikan hasil pendapatan negara supaya tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum yang bersifat berkurangan (*depleting*);
2. Menambah baik sistem pentadbiran cukai bagi meningkatkan kecekapan pungutan hasil dengan memanfaatkan kemajuan teknologi seperti *e-filing* bagi memudahkan pembayaran;
3. Meningkatkan pematuhan cukai melalui penguatkuasaan dan

pengauditan cukai yang lebih baik;

4. Kutipan dividen daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC); dan

5. Memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan melalui sumbangan cukai dan bukan cukai.